

SULIT

NO. SOALAN: 103

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]

RUJUKAN : 10095

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejak ditubuhkan pada bulan Febuari 2015, apakah perkembangan terkini serta tindakan yang telah diambil oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di negeri Sabah, bagi memastikan syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai PATI di negeri Sabah dilaksanakan.

SULIT

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua *tier* iaitu JKPWAS-Induk dan JKPWAS-Teknikal sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi sebarang cabaran dan isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i. menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang tinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak 27,769 orang yang merupakan angka tertinggi sejak tahun 1990. Secara keseluruhannya, jumlah pengusiran daripada tahun 1990 sehingga 30 Jun 2017 pula adalah seramai 553,531 orang;
- ii. Kedua, kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak positif yang mana dokumen tersebut

SULIT

SULIT

dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu berbanding tempoh 2 hingga 3 bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016;

- iii. Ketiga, JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainya adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan
- iv. Keempat, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.